

SOALAN LAZIM
PROGRAM KHAS PENGAKUAN SUKARELA

BIL	PERSOALAN	JAWAPAN														
A. PENGENALAN / TUJUAN PROGRAM KHAS PENGAKUAN SUKARELA																
1.	Apakah yang dimaksudkan dengan Program Khas Pengakuan Sukarela?	<p>Program Khas Pengakuan Sukarela ini merupakan salah satu usaha kerajaan dalam melakukan pembaharuan percukaian bagi menggalakkan pembayar cukai tampil secara sukarela dan melaporkan pendapatan yang sepatutnya untuk meningkatkan kutipan cukai bagi pembangunan negara.</p> <p>Pengakuan sukarela merangkumi perkara berikut:</p> <p>a) melaporkan pendapatan yang belum / kurang dilaporkan, perbelanjaan terlebih tuntut / tidak dibenarkan dan pelepasan / potongan / rebat terlebih tuntut;</p> <p>b) melaporkan keuntungan pelupusan aset (harta tanah dan saham dalam syarikat harta tanah); dan</p> <p>c) penyeteman surat cara yang belum disetem.</p>														
2.	Mengapa saya perlu mengambil kesempatan ke atas Program Khas Pengakuan Sukarela ini?	<p>Melalui Program Khas Pengakuan Sukarela ini, kadar penalti yang dikenakan adalah lebih rendah berbanding kadar penalti sedia ada seperti berikut:</p> <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;">Tempoh Pengakuan Sukarela</th> <th style="text-align: center;">Kadar Penalti</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">03/11/2018 – 30/06/2019</td> <td style="text-align: center;">10%</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">01/07/2019 – 30/09/2019</td> <td style="text-align: center;">15%</td> </tr> </tbody> </table> <p>Kadar penalti yang lebih tinggi akan dikenakan selepas tempoh Program Khas Pengakuan Sukarela seperti berikut:</p> <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;">Peruntukan berkaitan</th> <th style="text-align: center;">Kadar Penalti</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Subseksyen 112(3) Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) / Subseksyen 51(3) Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 (APCP) / Subseksyen 29(3) Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 (ACKHT)</td> <td style="text-align: center;">Minimum 45%</td> </tr> <tr> <td>Subseksyen 113(2) ACP / Subseksyen 52(2) APCP / Subseksyen 30(2) ACKHT</td> <td style="text-align: center;">Minimum 45%</td> </tr> <tr> <td>Perenggan 44A(9)(b) ACP 1967</td> <td style="text-align: center;">100% iaitu bersamaan dengan amaun</td> </tr> </tbody> </table>	Tempoh Pengakuan Sukarela	Kadar Penalti	03/11/2018 – 30/06/2019	10%	01/07/2019 – 30/09/2019	15%	Peruntukan berkaitan	Kadar Penalti	Subseksyen 112(3) Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) / Subseksyen 51(3) Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 (APCP) / Subseksyen 29(3) Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 (ACKHT)	Minimum 45%	Subseksyen 113(2) ACP / Subseksyen 52(2) APCP / Subseksyen 30(2) ACKHT	Minimum 45%	Perenggan 44A(9)(b) ACP 1967	100% iaitu bersamaan dengan amaun
Tempoh Pengakuan Sukarela	Kadar Penalti															
03/11/2018 – 30/06/2019	10%															
01/07/2019 – 30/09/2019	15%															
Peruntukan berkaitan	Kadar Penalti															
Subseksyen 112(3) Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) / Subseksyen 51(3) Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 (APCP) / Subseksyen 29(3) Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 (ACKHT)	Minimum 45%															
Subseksyen 113(2) ACP / Subseksyen 52(2) APCP / Subseksyen 30(2) ACKHT	Minimum 45%															
Perenggan 44A(9)(b) ACP 1967	100% iaitu bersamaan dengan amaun															

BIL	PERSOALAN	JAWAPAN						
			<p>cukai yang terkurang</p> <p>Atas duti kurang dibayar</p>					
3.	Adakah Program Khas Pengakuan Sukarela ini dibuat secara tahunan? Jika ya, adakah kadar penalti yang sama ditawarkan?	Tidak. Program Khas Pengakuan Sukarela ini hanya dibuat dalam tempoh yang dinyatakan sahaja iaitu dari 03 November 2018 hingga 30 September 2019.						
4.	Apakah perbezaan pengakuan sukarela dalam tempoh Program Khas Pengakuan Sukarela dengan pengakuan sukarela terdahulu?	<table border="1"> <thead> <tr> <th data-bbox="793 533 1018 607">Pengakuan sukarela</th> <th data-bbox="1018 533 1391 607">Tindakan LHDNM</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="793 607 1018 786">Dahulu</td> <td data-bbox="1018 607 1391 786">Pembayar cukai boleh diaudit selepas membuat pengakuan sukarela ke atas isu yang dilaporkan.</td> </tr> <tr> <td data-bbox="793 786 1018 1263">Program Khas Pengakuan Sukarela (03/11/2018 – 30/09/2019)</td> <td data-bbox="1018 786 1391 1263">LHDNM akan menerima maklumat pengakuan sukarela tersebut dengan suci hati. Semakan lanjut tidak akan dilakukan ke atas isu yang dilaporkan. Tindakan audit / siasatan tidak akan dilakukan pada masa akan datang bagi tahun taksiran di mana pengakuan sukarela dibuat.</td> </tr> </tbody> </table>	Pengakuan sukarela	Tindakan LHDNM	Dahulu	Pembayar cukai boleh diaudit selepas membuat pengakuan sukarela ke atas isu yang dilaporkan.	Program Khas Pengakuan Sukarela (03/11/2018 – 30/09/2019)	LHDNM akan menerima maklumat pengakuan sukarela tersebut dengan suci hati. Semakan lanjut tidak akan dilakukan ke atas isu yang dilaporkan. Tindakan audit / siasatan tidak akan dilakukan pada masa akan datang bagi tahun taksiran di mana pengakuan sukarela dibuat.
Pengakuan sukarela	Tindakan LHDNM							
Dahulu	Pembayar cukai boleh diaudit selepas membuat pengakuan sukarela ke atas isu yang dilaporkan.							
Program Khas Pengakuan Sukarela (03/11/2018 – 30/09/2019)	LHDNM akan menerima maklumat pengakuan sukarela tersebut dengan suci hati. Semakan lanjut tidak akan dilakukan ke atas isu yang dilaporkan. Tindakan audit / siasatan tidak akan dilakukan pada masa akan datang bagi tahun taksiran di mana pengakuan sukarela dibuat.							
5.	Di bawah Program Khas Pengakuan Sukarela ini, adakah saya layak untuk menuntut perbelanjaan yang saya terlupa menuntut?	Tidak layak. Program Khas Pengakuan Sukarela ini tidak melibatkan tuntutan perbelanjaan yang menyebabkan taksiran tidak kena cukai, taksiran kurangan atau bayaran balik dibangkitkan. Walau bagaimanapun, rayuan berkenaan tuntutan atas perbelanjaan boleh dibuat mengikut prosedur rayuan yang sedang berkuat kuasa.						
6.	Saya telah menerima Notis Taksiran Anggaran bagi tahun taksiran 2017 di mana LHDNM telah menaksir pendapatan saya melebihi pendapatan sebenar yang saya perolehi. Adakah saya layak di bawah Program Khas Pengakuan Sukarela ini?	Tidak layak. Program Khas Pengakuan Sukarela ini terbuka untuk pengakuan sukarela ke atas pendapatan yang tidak atau kurang dilaporkan. Walau bagaimanapun, tuan perlu mengemukakan borang nyata bagi tahun taksiran 2017. LHDNM akan menyemak borang nyata tersebut dan meminda taksiran sewajarnya.						
7.	Saya mempunyai pendapatan yang diperolehi dari Malaysia dan disimpan dalam akaun bank di luar negara. Adakah pendapatan ini tertakluk kepada pengenaan cukai di Malaysia?	Pendapatan yang diperolehi dari Malaysia walaupun disimpan dalam akaun bank di luar negara adalah tertakluk kepada cukai di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967. Pembayar cukai						

BIL	PERSOALAN	JAWAPAN
	<p>Jika tertakluk, bolehkah saya membuat pengakuan sukarela di bawah Program Khas ini, dan apakah tindakan yang perlu saya ambil?</p>	<p>adalah bertanggungjawab untuk melaporkan pendapatan ini.</p> <p>Selaras dengan pelaksanaan Pertukaran Maklumat Kewangan secara Automatik (<i>Common Reporting Standard</i>), bermula tahun 2018, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) akan menerima maklumat kewangan pembayar cukai yang disimpan di luar negara pada setiap tahun.</p> <p>Maklumat kewangan ini adalah seperti wang yang disimpan dalam bank, faedah, dividen, unit amanah, <i>cash value insurance contract</i> atau <i>annuity contract</i> dan hasil daripada penjualan/pelupusan aset kewangan atau saham.</p> <p>Pembayar cukai boleh membuat pengakuan sukarela dan mengambil salah satu daripada tindakan berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> (1) Pembayar cukai yang tidak pernah berdaftar dengan LHDNM perlu membuat pendaftaran nombor cukai pendapatan terlebih dahulu dan mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) / Borang Nyata Petroleum (BNP) / Borang Nyata Cukai Keuntungan Harta Tanah (BNCKHT) dengan melaporkan pendapatan penuh / keuntungan pelupusan aset bagi tahun taksiran berkaitan. (2) Pembayar cukai yang berdaftar tetapi belum mengemukakan BNCP / BNP / BNCKHT perlu mengemukakan BNCP / BNP / BNCKHT dengan melaporkan pendapatan penuh / keuntungan pelupusan aset bagi tahun taksiran berkaitan. (3) Pembayar cukai yang telah mengemukakan BNCP tetapi tidak melaporkan pendapatan / keuntungan pelupusan aset dengan betul boleh membuat pengakuan secara bertulis melalui surat atau e-mel dengan melaporkan pendapatan penuh / keuntungan pelupusan aset.
B. KATEGORI PEMBAYAR CUKAI		
8.	Siapa yang layak untuk membuat pengakuan sukarela dalam Program Khas Pengakuan Sukarela ini?	<p>Pembayar cukai yang layak membuat pengakuan sukarela dalam Program Khas Pengakuan Sukarela ini:</p> <ol style="list-style-type: none"> (1) Pembayar cukai yang tidak pernah berdaftar dengan LHDNM; (2) Pembayar cukai berdaftar dengan LHDNM tetapi belum mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) / Borang Nyata

BIL	PERSOALAN	JAWAPAN
		<p>Petroleum (BNP) / Borang Nyata Cukai Keuntungan Harta Tanah (BNCKHT) bagi mana-mana tahun taksiran;</p> <p>(3) Pembayar cukai yang telah mengemukakan BNCP / BNP / BNCKHT tetapi tidak melaporkan maklumat pendapatan/ keuntungan pelupusan aset dengan betul bagi mana-mana tahun taksiran; atau</p> <p>(4) Pembayar duti yang belum membuat penyeteman surat cara melebihi 6 bulan dari tempoh penyeteman (30 hari dari tarikh surat cara disempurnakan).</p>
9.	Adakah pengakuan sukarela ini terpakai kepada pembayar cukai tidak bermastautin?	Program khas Pengakuan Sukarela pengakuan sukarela ini terpakai kepada semua kategori pembayar cukai sama ada pemastautin atau bukan pemastautin.
10.	Bolehkah saya membuat pengakuan sukarela bagi perniagaan perkongsian?	Mana-mana ahli kongsi boleh membuat pengakuan sukarela bagi pihak perkongsian dengan syarat dipersetujui oleh semua ahli kongsi lain.
11.	Saya telah gagal membuat bayaran cukai pegangan dalam tempoh dibenarkan. Sekiranya saya membuat pembayaran sekarang adakah saya layak menyertai Program Khas Pengakuan Sukarela?	<p>Sekiranya pembayar membuat bayaran kepada bukan pemastautin yang tertakluk kepada cukai pegangan dan cukai pegangan tersebut tidak diremitkan ke LHDNM dalam tempoh yang ditetapkan, KPHDN diberi kuasa untuk mengenakan penalti di bawah subseksyen 113(2) ACP atau subseksyen 52(2) ACP jika pembayar telah menuntut perbelanjaan atas bayaran tersebut.</p> <p>Sehubungan itu, pembayar yang tampil membuat bayaran cukai pegangan lewat hendaklah membuat pengakuan sukarela di cawangan yang mengendalikan fail pembayar cukai, bagi menikmati kadar penalti Program Khas Pengakuan Sukarela ini.</p> <p>Kes kegagalan untuk membayar cukai pegangan tidak termasuk dalam Program Khas Pengakuan Sukarela.</p>
12.	Bolehkah saya membuat pengakuan sukarela bagi pihak pembayar cukai yang meninggal dunia?	Boleh, dengan syarat tuan adalah pentadbir yang sah bagi harta pusaka si mati.
13.	Saya sebagai majikan masih belum meremit Potongan Cukai Bulanan (PCB) bagi pihak pekerja saya. Bolehkah saya	Kesalahan ini tidak termasuk dalam kategori yang dinyatakan dalam Program Khas Pengakuan Sukarela.

BIL	PERSOALAN	JAWAPAN
	membuat pengakuan sukarela di bawah Program Khas Pengakuan Sukarela ini?	Walau bagaimanapun, majikan boleh meremit bayaran PCB yang sepatutnya mengikut prosedur yang sedang berkuat kuasa.
C. TAHUN TAKSIRAN TERLIBAT		
14.	Tahun taksiran manakah pengakuan sukarela boleh dibuat?	<p>Pengakuan sukarela boleh dibuat untuk:</p> <p>(1) Tahun taksiran 2017 dan tahun-tahun taksiran kebelakang bagi semua pembayar cukai.</p> <p>(2) Tahun Taksiran 2018 bagi syarikat yang mempunyai tempoh perakaunan berakhir 31 Januari 2018, 28 Februari 2018 dan 31 Mac 2018.</p>
15.	Saya telah melaporkan pendapatan dalam BNCP tahun taksiran 2018. Bolehkah saya membuat pengakuan sukarela ke atas pendapatan tidak dilapor bagi tahun taksiran 2018?	Pengakuan sukarela bagi Tahun Taksiran 2018 hanya terbuka kepada syarikat yang mempunyai tempoh perakaunan berakhir 31 Januari 2018, 28 Februari 2018 dan 31 Mac 2018.
16.	Adakah pengakuan sukarela melibatkan tempoh langkau masa (time barred)?	Ya, semua pengakuan sukarela bagi pendapatan tahun kebelakang akan ditaksir berdasarkan tahun taksiran pendapatan tersebut diterima/ sepatutnya diterima.
17.	Adakah pengakuan sukarela bagi pendapatan tahun kebelakang akan dicukai dalam tahun pendapatan diterima?	<p>Semua pengakuan sukarela bagi pendapatan tahun kebelakang akan ditaksir berdasarkan tahun pendapatan tersebut diterima atau sepatutnya diterima.</p> <p>Walau bagaimanapun, sekiranya tahun pendapatan tidak dapat ditentukan secara jelas, maka pembayar cukai boleh melaporkan semua pendapatan tahun kebelakang dalam tahun taksiran 2017.</p>
18.	Jika saya memilih untuk melaporkan semua pendapatan tahun taksiran kebelakang dalam tahun taksiran 2017, adakah saya hanya perlu mengemukakan borang nyata bagi tahun taksiran 2017 dan tidak perlu untuk menghantar borang nyata bagi tahun-tahun taksiran kebelakang yang lain yang masih belum dikemukakan kepada LHDNM?	<p>Jika tuan memilih untuk melaporkan semua pendapatan dalam tahun taksiran 2017, tuan hendaklah:</p> <p>(1) Mengemukakan borang nyata bagi tahun taksiran 2017 dengan melaporkan semua pendapatan bagi tahun taksiran kebelakang yang terlibat; dan</p> <p>(2) Mengemukakan juga borang nyata bagi tahun taksiran kebelakang yang terlibat dengan memasukkan amaun "0" pada ruangan pendapatan.</p> <p>Walau bagaimanapun, kaedah ini tidak terpakai sekiranya Taksiran Anggaran di bawah sub seksyen 90(3) ACP 1967 telah dibangkitkan. Bagi</p>

BIL	PERSOALAN	JAWAPAN
		tahun-tahun taksiran dimana taksiran anggaran telah dibangkitkan, pengakuan sukarela hendaklah dibuat bagi setiap tahun taksiran yang terlibat melalui pengemukaan BNCP/BNP/BNCKHT. Sekiranya tidak bersetuju dengan taksiran anggaran yang telah dibangkitkan, prosedur rayuan seperti yang ditetapkan di bawah Ketetapan Umum No. 12/2017 (Rayuan Terhadap Sesuatu Taksiran dan Permohonan Relif) adalah terpakai.
D. KES AUDIT/ SIASATAN		
19.	Adakah saya akan diaudit selepas membuat pengakuan sukarela dalam Program Khas Pengakuan Sukarela?	LHDNM akan menerima maklumat pengakuan sukarela yang dibuat dalam tempoh Program Khas Pengakuan Sukarela dengan suci hati. Semakan lanjut tidak akan dilakukan ke atas maklumat yang dilaporkan dan tindakan audit tidak akan diambil ke atas tahun taksiran yang mana pengakuan sukarela telah dibuat.
20.	Sekiranya saya telah membuat pengakuan sukarela ke atas isu tertentu, adakah saya akan diaudit ke atas isu tersebut?	(1) Sekiranya audit sudah dimulakan, semakan audit boleh diteruskan ke atas pembayar cukai jika maklumat pengakuan sukarela adalah tidak selari dengan isu yang sedang diaudit. (2) Sekiranya tindakan audit masih belum dimulakan, pengakuan sukarela akan diterima secara suci hati.
21.	Saya telah menerima Surat Pemberitahuan Permulaan Semakan Audit daripada LHDNM dan saya ingin membuat pengakuan sukarela. Adakah LHDNM akan meneruskan tindakan audit ke atas perniagaan saya?	Semakan audit boleh diteruskan ke atas pembayar cukai sekiranya maklumat pengakuan sukarela adalah tidak selari dengan isu yang diaudit.
22.	Saya telah membuat pengakuan sukarela kepada LHDNM. Sekiranya LHDNM menerima maklumat daripada pihak ketiga atau aduan, adakah tindakan audit akan dibuat?	LHDNM akan menerima maklumat pengakuan sukarela yang dibuat dalam tempoh Program Khas Pengakuan Sukarela dengan suci hati. Semakan lanjut tidak akan dilakukan ke atas maklumat yang dilaporkan dan tindakan audit tidak akan diambil ke atas tahun taksiran yang mana pengakuan sukarela telah dibuat.
23.	Saya merupakan salah seorang ahli kongsi kepada Perkongsian ABC. Bolehkah saya membuat pengakuan sukarela bagi fail perkongsian ini?	Pengakuan sukarela bagi pendapatan perkongsian hendaklah dibuat atas fail perkongsian dan mendapat persetujuan daripada semua ahli kongsi. Tindakan audit tidak akan diambil ke atas fail perkongsian di mana tahun taksiran pengakuan sukarela telah dibuat. Kadar penalti di bawah Program Khas Pengakuan

BIL	PERSOALAN	JAWAPAN
		Sukarela ini layak dinikmati oleh setiap ahli kongsi.
E. PROSEDUR PENGAKUAN SUKARELA		
24.	Bolehkah pengakuan sukarela dibuat melalui panggilan telefon/ whatsapp/ media sosial?	<p>Pengakuan sukarela tidak boleh dibuat melalui panggilan telefon/ whatsapp/ media sosial. Pengakuan sukarela boleh dibuat seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> (1) Pembayar cukai yang tidak pernah berdaftar dengan LHDNM perlu membuat pendaftaran nombor cukai pendapatan terlebih dahulu dan mengemukakan BNCP/BNP/BNCKHT bagi tahun taksiran berkaitan. (2) Pembayar cukai yang berdaftar tetapi belum mengemukakan BNCP/BNP/BNCKHT perlu mengemukakan BNCP/BNP/BNCKHT bagi tahun taksiran berkaitan. (3) Pembayar cukai yang telah mengemukakan BNCP tetapi tidak melaporkan pendapatan/keuntungan pelupusan aset dengan betul boleh membuat pengakuan secara bertulis melalui surat atau e-mel.
25.	Saya tidak pernah berdaftar dengan LHDNM. Bagaimana cara untuk saya membuat pendaftaran fail cukai pendapatan? Apakah dokumen yang diperlukan?	<p>Pembayar cukai boleh membuat pendaftaran fail cukai pendapatan:</p> <ol style="list-style-type: none"> (1) Di semua kaunter perkhidmatan (Ibu Pejabat/ Cawangan/ Pusat Khidmat Hasil (PKH)/ UTC/ Pusat Pemprosesan Maklumat) <ul style="list-style-type: none"> - Pembayar cukai perlu mengemukakan dokumen pengenalan diri atau dokumen berkaitan (sila rujuk laman sesawang rasmi LHDNM); atau (2) Secara dalam talian melalui e-Daftar <ul style="list-style-type: none"> - Bagi syarikat dan individu sahaja.
26.	Adakah LHDNM menyediakan borang khusus untuk saya membuat pengakuan sukarela?	<p>Tiada borang khusus yang diperlukan untuk membuat pengakuan sukarela. Pembayar cukai perlu mengemukakan pengakuan sukarela dengan cara yang berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> (1) Pembayar cukai yang tidak pernah berdaftar dengan LHDNM perlu membuat pendaftaran nombor cukai pendapatan terlebih dahulu dan mengemukakan BNCP/BNP/BNCKHT bagi tahun taksiran berkaitan. (2) Pembayar cukai yang berdaftar tetapi belum mengemukakan BNCP/BNP/BNCKHT perlu mengemukakan BNCP bagi tahun taksiran berkaitan.

BIL	PERSOALAN	JAWAPAN
		(3) Pembayar cukai yang telah mengemukakan BNCP tetapi tidak melaporkan pendapatan/keuntungan pelupusan aset dengan betul boleh membuat pengakuan secara bertulis melalui surat atau e-mel. Surat atau e-mel tersebut hendaklah menyatakan bahawa pembayar cukai membuat pengakuan penuh ke atas pendapatan / keuntungan pelupusan aset yang belum atau tidak dilaporkan sebelum ini.
27.	Bolehkah saya membuat pengakuan sukarela melalui Borang Nyata Terpinda (BNT)?	Tidak boleh. Pembayar cukai yang ingin mengemukakan rayuan melalui BNT hendaklah mematuhi peruntukan undang-undang yang sedia ada bagi pemfailan BNT.
28.	Saya belum mengemukakan BNCP / BNP / BNCKHT bagi tahun taksiran 2017 dan kebelakang tetapi telah membuat pengakuan sukarela melalui surat atau e-mel. Adakah saya perlu mengemukakan BNCP/ BNP / BNCKHT?	Ya. BNCP / BNP / BNCKHT perlu dikemukakan melalui cara berikut: <ul style="list-style-type: none"> • BNCP: e-Filing / manual • BNP: manual • BNCKHT: e-Lodgement / manual
29.	Saya ingin membuat pengakuan sukarela tetapi saya tidak mempunyai fail cukai pendapatan. Apakah tindakan yang perlu saya ambil?	Pembayar cukai yang tidak pernah berdaftar dengan LHDNM perlu membuat pendaftaran nombor cukai pendapatan terlebih dahulu dan mengemukakan BNCP/BNP/BNCKHT bagi tahun taksiran berkaitan.
30.	Saya tidak pernah mendaftar perniagaan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Adakah saya boleh melaporkan pendapatan melalui Program Khas Pengakuan Sukarela?	Boleh. Pembayar cukai perlu berdaftar dengan LHDNM terlebih dahulu bagi mendapatkan nombor cukai pendapatan dan seterusnya mengemukakan BNCP bagi tahun taksiran berkaitan.
31.	Jika akaun beraudit masih belum disediakan, bolehkah saya membuat pengakuan sukarela berdasarkan <i>Management Account</i> ?	Boleh. LHDNM akan menerima maklumat pengakuan sukarela yang dibuat dalam tempoh Program Khas Pengakuan Sukarela dengan suci hati. Semakan lanjut tidak akan dilakukan ke atas maklumat yang dilaporkan. Walau bagaimanapun jika selepas <i>Management Account</i> diaudit dan didapati cukai sebenar adalah lebih tinggi, pembayar cukai hendaklah melaporkan perbezaan tersebut kepada LHDNM. LHDNM akan membangkitkan taksiran tambahan dan kadar penalti akan dikenakan berdasarkan penalti yang ditawarkan mengikut tempoh pengakuan sukarela yang telah dibuat.

BIL	PERSOALAN	JAWAPAN
32.	Adakah dokumen sokongan perlu dikemukakan bersama-sama dengan pengakuan sukarela?	Bagi pembayar cukai yang telah mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan, dokumen sokongan (sekiranya ada) boleh dikemukakan bagi menyokong pengakuan sukarela.
33.	Saya ingin membuat pengakuan sukarela tetapi dokumen perniagaan saya telah diambil oleh agensi lain/dokumen telah musnah. Bagaimana saya hendak membuat pengakuan sukarela?	<p>Pembayar cukai boleh mendapatkan khidmat nasihat daripada pegawai LHDNM di mana-mana cawangan.</p> <p>LHDNM akan menerima maklumat pengakuan sukarela yang dibuat dalam tempoh Program Khas Pengakuan Sukarela dengan suci hati. Semakan lanjut tidak akan dilakukan ke atas maklumat yang dilaporkan.</p>
34.	Jika saya / syarikat saya tiada fail cukai pendapatan, apakah maklumat asas yang perlu dikemukakan dalam surat pengakuan sukarela?	<p>Bagi individu / syarikat yang belum mempunyai fail cukai pendapatan, pengakuan sukarela perlu dikemukakan melalui BNCP.</p> <p>Sehubungan itu, Individu / syarikat perlu mendaftar untuk mendapatkan nombor fail cukai pendapatan. Seterusnya pembayar cukai perlu mengisi BNCP dengan lengkap dan menandatangani bahagian akuan.</p> <p>Untuk prosedur pendaftaran dan dokumen yang diperlukan, sila rujuk laman sesawang rasmi LHDNM.</p>
35.	Bolehkah saya membuat pengakuan sukarela walaupun saya belum pasti sama ada saya layak atau tidak dikenakan cukai?	<p>Pembayar cukai boleh mendapatkan nasihat daripada pegawai LHDNM di mana-mana cawangan bagi menentukan sama ada layak dikenakan cukai atau sebaliknya.</p> <p>Sekiranya layak dikenakan cukai, pembayar cukai perlulah:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. mendaftar fail cukai pendapatan; ii. melaporkan pendapatan dalam BNCP; dan iii. mengemukakan BNCP kepada LHDNM.
F. KADAR PENALTI		
36.	Mengapakah kadar penalti Program Khas Pengakuan Sukarela tidak dihapuskan sepenuhnya?	Penaan penalti adalah bergantung kepada kepada polisi dan dasar kerajaan semasa.
37.	Bolehkah pengakuan sukarela dibuat lebih daripada sekali? Jika ya, apakah kadar penalti yang dikenakan?	Boleh. Pembayar cukai dibenarkan membuat pengakuan sukarela melebihi sekali tetapi kadar penalti yang dikenakan adalah mengikut tempoh pengakuan sukarela seperti berikut:

BIL	PERSOALAN	JAWAPAN	
		Tempoh Pengakuan Sukarela	Kadar Penalti
		03/11/2018 – 30/06/2019	10%
		01/07/2019 – 30/09/2019	15%
38.	Saya membuat pengakuan sukarela melalui pos dalam tempoh Program Khas Pengakuan Sukarela. Jika pengakuan sukarela ini diterima oleh LHDNM selepas tamat tempoh, adakah saya masih layak mendapat kadar penalti Program Khas Pengakuan Sukarela?	<p>Bagi pembayar cukai yang membuat pengakuan sukarela melalui pos, tarikh pengakuan sukarela adalah tarikh terima di Unit Mel LHDNM.</p> <p>Pembayar cukai dinasihatkan untuk membuat pengakuan sukarela lebih awal dalam tempoh tawaran bagi menikmati kadar penalti Program Khas Pengakuan Sukarela.</p>	
G. LAIN-LAIN ISU			
39.	Saya telah terlebih menuntut pelepasan/ rebat. Adakah saya boleh membuat pengakuan sukarela dengan membuat pindaan/ menarik balik tuntutan tersebut?	Boleh. Pembayar cukai dibenarkan membuat pengakuan sukarela dengan membuat pindaan / menarik balik tuntutan pelepasan/ rebat.	
40.	Adakah Program Khas Pengakuan Sukarela ini hanya melibatkan taksiran tambahan sahaja?	Ya, Program Khas Pengakuan Sukarela ini melibatkan taksiran asal / taksiran tambahan sahaja.	
41.	Saya ingin membuat pengakuan sukarela ke atas pendapatan kurang lapor. Bolehkah saya menuntut perbelanjaan berkaitan pendapatan tersebut dan menuntut pelepasan?	Perbelanjaan/ pelepasan/ rebat boleh dituntut dalam tahun di mana pendapatan dilaporkan sekiranya ia menyebabkan taksiran / taksiran tambahan dibangkitkan.	
42.	Bolehkah pendapatan atas pengakuan sukarela ditolak dengan zakat yang telah dibayar tetapi belum dituntut?		
43.	Sekiranya saya mempunyai pendapatan daripada aktiviti kegiatan haram, adakah LHDNM akan mendedahkan maklumat berhubung aktiviti kegiatan saya?	LHDNM adalah tertakluk kepada seksyen 138 ACP 1967 (kerahsiaan maklumat pembayar cukai).	
H. RAYUAN			
44.	Sekiranya saya telah memfailkan rayuan melalui Borang Q, bolehkah saya membuat pengakuan sukarela?	Pembayar cukai boleh membuat pengakuan sukarela sekiranya ia tidak melibatkan taksiran kurangan.	
45.	Sekiranya saya telah membuat pengakuan sukarela dalam tempoh Program Khas Pengakuan Sukarela, bolehkah saya merayu untuk pengurangan/ penghapusan penalti?	Boleh. Rayuan hendaklah difailkan mengikut prosedur yang sedang berkuat kuasa.	

BIL	PERSOALAN	JAWAPAN						
I. HUBUNGI KAMI								
46.	Adakah pengakuan sukarela boleh dibuat di PKH atau UTC?	Pembayar cukai boleh membuat pengakuan sukarela di mana-mana cawangan LHDNM di seluruh Malaysia termasuk PKH dan UTC.						
47.	Bolehkah saya mendapatkan khidmat nasihat daripada pegawai LHDNM sebelum saya membuat pengakuan sukarela?	Ya, pembayar cukai boleh mendapatkan khidmat nasihat daripada pegawai LHDNM di mana-mana cawangan.						
48.	Siapakah yang saya boleh hubungi sekiranya mempunyai pertanyaan berkaitan Program Khas Pengakuan Sukarela?	Pembayar cukai boleh menghubungi : (i) Pejabat LHDNM yang berdekatan; (ii) Hasil Care Line LHDNM di talian : - 1-800-88-5436 - 603-77136666 (Luar Negara) (iii) e-Mel : pengakuansukarela@hasil.gov.my						
J. PERATURAN BAYARAN								
49.	Bilakah bayaran cukai bagi pengakuan sukarela perlu dibayar?	Peraturan bayaran bagi cukai yang telah dilaporkan untuk Program Khas Pengakuan Sukarela ini adalah seperti berikut: <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <thead> <tr> <th>Tempoh Pengakuan Sukarela</th> <th>Bayaran Sebelum atau Pada</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>03/11/2018 – 30/06/2019</td> <td>01/07/2019</td> </tr> <tr> <td>01/07/2019 – 30/09/2019</td> <td>01/10/2019</td> </tr> </tbody> </table>	Tempoh Pengakuan Sukarela	Bayaran Sebelum atau Pada	03/11/2018 – 30/06/2019	01/07/2019	01/07/2019 – 30/09/2019	01/10/2019
Tempoh Pengakuan Sukarela	Bayaran Sebelum atau Pada							
03/11/2018 – 30/06/2019	01/07/2019							
01/07/2019 – 30/09/2019	01/10/2019							
50.	Saya telah membuat pengakuan sukarela. Adakah saya perlu menunggu notis taksiran untuk membuat bayaran?	Pembayar cukai tidak perlu menunggu notis taksiran. Bayaran perlu dijelaskan sebelum tempoh pengakuan sukarela berakhir untuk mengelakkan kenaikan cukai berdasarkan peruntukan undang-undang yang sedang berkuat kuasa.						
51.	Sekiranya tiada bayaran cukai dibuat sehingga tempoh Program Khas Pengakuan Sukarela berakhir, apakah tindakan yang dikenakan terhadap saya?	Bagi pembayar cukai yang gagal menjelaskan baki cukai pada akhir tempoh yang ditetapkan, kenaikan cukai akan dikenakan berdasarkan peruntukan undang-undang yang sedang berkuat kuasa.						
52.	Jika saya telah gagal menjelaskan bayaran dalam tempoh yang ditetapkan, adakah saya akan dikenakan tindakan undang-undang?	Sekiranya tunggakan cukai tidak dibayar dalam tempoh ditetapkan, tindakan undang-undang boleh diambil.						
53.	Saya telah membuat pengakuan sukarela pada 20/02/2019 dan membuat bayaran seperti berikut: <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <thead> <tr> <th></th> <th>RM</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Cukai kena dibayar</td> <td>10,000</td> </tr> <tr> <td>(-) Bayaran pertama (25/02/2019)</td> <td>(5,000)</td> </tr> </tbody> </table>		RM	Cukai kena dibayar	10,000	(-) Bayaran pertama (25/02/2019)	(5,000)	Bayaran penuh perlu dibuat sebelum atau pada 01/07/2019. Kenaikan cukai sebanyak 10% akan dikenakan di bawah seksyen 103 ACP atas kelewatan membuat bayaran kedua.
	RM							
Cukai kena dibayar	10,000							
(-) Bayaran pertama (25/02/2019)	(5,000)							

BIL	PERSOALAN		JAWAPAN
	(-) Bayaran kedua (03/07/2019)	(5,000)	
	Apakah tindakan yang boleh diambil oleh LHDNM?		
54.	Apakah kod bayaran yang saya perlu gunakan untuk membuat bayaran di bank/ kaunter LHDNM?		<p>Kod yang perlu digunakan oleh pembayar cukai adalah:</p> <p>084 - Bayaran Ansuran Cukai Individu 086 – Bayaran Ansuran Cukai Syarikat 088 – Pendahuluan / Ansuran Cukai Komposit 090 – Bayaran CKHT 095 – Bayaran Cukai Pendapatan di Bank (tidak termasuk skim ansuran) 161 – Bayaran Cukai Petroleum</p> <p>Untuk keterangan lanjut, sila rujuk laman sesawang rasmi LHDNM (www.hasil.gov.my)</p>
K. DUTI SETEM & CKHT			
55.	Adakah surat cara perlu dikemukakan apabila membuat pengakuan sukarela?		Ya. Pembayar duti perlu mengemukakan surat cara secara manual atau dalam talian.
56.	Apakah yang dimaksudkan dengan penyeteman secara manual dan dalam talian?		<p>Penyeteman manual ialah:</p> <p>i. Setem hasil; ii. Resit Kewangan 38; atau iii. Sistem Frangki Digital (SFD).</p> <p>Penyeteman dalam talian ialah:</p> <p>i. Stamp Assessment and Payment System (STAMPS)</p>
57.	Apakah maksud tempoh penyeteman?		Tempoh penyeteman adalah 30 hari dari tarikh surat cara disempurnakan (ditandatangani).
58.	Sekiranya pelupus melupuskan beberapa aset dalam tahun yang sama, perlukah pelupus mengemukakan borang CKHT 1A/1B secara berasingan bagi setiap aset atau hanya perlu mengemukakan satu borang untuk semua aset yang telah dilupuskan?		Pelupus perlu mengemukakan borang CKHT1A/1B secara berasingan bagi setiap aset yang dilupuskan.
L. HARGA PINDAHAN			
59.	Adakah Program Khas Pengakuan Sukarela (PKPS) terpakai untuk isu-isu Harga Pindaan (HP)?		Pengakuan sukarela untuk isu-isu HP adalah tertakluk kepada Rangka Kerja Audit Pindahan Harga (RKAPH).

BIL	PERSOALAN	JAWAPAN
60.	Apakah prosedur untuk pengakuan sukarela untuk isu-isu harga pindahan?	<p>Untuk tujuan pengakuan sukarela bagi isu-isu harga pindahan, pembayar cukai perlu mengemukakan dokumen berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> a. Dokumentasi harga pindahan (DHP) yang komprehensif berserta maklumat akaun syarikat perbandingan untuk tahun-tahun yang berkaitan. DHP yang dikemukakan mestilah menyeluruh dan memberikan maklumat yang mencukupi mengenai aktiviti perniagaan syarikat. b. Maklumat berkaitan pendapatan terkurang lapor / tidak dilaporkan atau perbelanjaan terlebih tuntutan dan dokumen sokongan tahun yang berkaitan. c. Pembayar cukai boleh memohon perbincangan pra-pengemukakan pengakuan sukarela untuk membincangkan kesesuaian syarikat perbandingan / kaedah harga pindahan yang akan digunakan, memberi penerangan berkaitan aktiviti perniagaan syarikat dan mencadangkan tempoh masa untuk penyelesaian kes. d. LHDNM akan membuat semakan ke atas DHP dan syarikat perbandingan yang dikemukakan / kaedah harga pindahan yang digunakan. e. Setelah selesai rundingan, LHDNM akan mengeluarkan surat yang mengandungi pengiraan cukai dan mengesahkan LHDNM telah menerima pengakuan sukarela yang dibuat berdasarkan maklumat yang diterima. f. Sebarang penalti yang dikenakan adalah berasaskan RKAPH bertarikh 1 April 2013.
61.	Adakah audit akan dijalankan untuk kes pengakuan sukarela ke atas isu-isu harga pindahan?	Sekiranya DHP yang komprehensif telah dikemukakan, hanya proses audit minima akan dijalankan dan pegawai audit berpuas hati dengan maklumat yang telah diberikan.
62.	Apakah tempoh masa untuk kes pengakuan sukarela yang mengandungi isu-isu HP?	Oleh kerana isu-isu HP adalah rumit, tempoh masa penyelesaian akan ditentukan semasa rundingan kes.
63.	Adakah kadar penalti untuk isu-isu HP akan dinaikkan berkuat kuasa 1 Oktober 2019 ?	Ya. Kadar penalti yang lebih tinggi akan dikenakan.

Tarikh Kemaskini: 09 Mei 2019